

## SOALAN LAZIM (FAQ)

### MENGENAI PELAKSANAAN DASAR BAHARU PENGGAJIAN EKSPATRIAT

| DASAR BAHARU PENGGAJIAN EKSPATRIAT |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                                                     |
|------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|
| NO                                 | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                     |
| 1                                  | Bilakah tarikh pelaksanaan dan penguatkuasaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat?                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Pelaksanaan ini terpakai kepada semua permohonan baharu yang diterima bermula pada 1 Jun 2026.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                     |
| 2                                  | Adakah pengiraan gaji merujuk kepada gaji pokok sahaja atau termasuk elaun dan bayaran lain?                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | Pengiraan gaji adalah gaji pokok tidak termasuk elaun dan lain-lain bayaran.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                     |
| 3                                  | <p>Apakah takrifan syarikat yang tertakluk di bawah sektor pembuatan dan <i>Manufacturing-Related Services</i> (MRS) bagi kategori gaji RM7,000 hingga RM9,999?</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> <p>(iii) gaji ekspatriat Pas Penggajian Kategori III dinaikkan daripada RM3,000 hingga RM4,999 kepada <b>RM5,000 hingga RM9,999</b>, kecuali bagi sektor pembuatan dan <i>manufacturing related services</i> (MRS) yang ditetapkan pada <b>RM7,000 hingga RM9,999</b>;</p> </div> | <p>Sektor di bawah seliaan MITI dan MIDA berdasarkan perincian di bawah:</p> <p><b>Sektor Pembuatan:</b> Semua sub-sektor syarikat di bawah Sektor Pembuatan mempunyai salah satu daripada dokumen berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Lesen Pengilang (ML); atau</li> <li>Surat Pengesahan Pengecualian Lesen Pengilang</li> </ol> <p><b><i>Manufacturing-Related Services</i> (MRS):</b> Merujuk kepada Sektor Perkhidmatan Terpilih di bawah MIDA yang mempunyai kelulusan Insentif, Status atau Geran.</p> |                                                                     |
| 4                                  | Bagaimanakah cara pengiraan tempoh penggajian ekspatriat? Adakah ditentukan mengikut individu (ekspatriat) atau syarikat yang menggajikan ekspatriat?                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Pengiraan tempoh penggajian ekspatriat terikat dengan syarikat yang menggajikan ekspatriat tersebut bermula 1 Jun 2026.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                     |
| 5                                  | <p>Bagaimana pengiraan tempoh maksimum penggajian ekspatriat bagi situasi berikut bermula 1 Jun 2026:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Ekspatriat bertukar syarikat</li> <li>Berlaku perubahan kategori pas</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                             | <b>Situasi</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | <b>Maklum balas</b>                                                 |
|                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | i.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Pengiraan bermula daripada Tarikh penggajian dengan syarikat baharu |
|                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | ii.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Pengiraan bermula daripada tarikh pengeluaran pas kategori baharu   |

|    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6  | Adakah terdapat sebarang perubahan terhadap tempoh sokongan Agensi Pelulus/ Agensi Kawal Selia melalui sistem Xpats Gateway?                                                                                                                                                                                                                                         | <p>Tiada perubahan berkenaan pemberian tempoh surat sokongan yang diberikan oleh Agensi Pelulus/ Agensi Kawal Selia melalui Xpats Gateway.</p> <p>Nota: Surat sokongan tertakluk kepada sector di bawah seliaan Agensi Pelulus/ Agensi Kawal Selia sahaja.</p>                                                                                     |
| 7  | <p>Sekiranya terdapat jawatan permohonan yang mempunyai tempoh perakuan pengamal berdaftar / permit selama satu (1) tahun, adakah kelulusan pas perlu mengikut tempoh tamat lesen tersebut atau berdasarkan tempoh yang ditetapkan di bawah Dasar Baharu?</p> <p>Contoh Jawatan: Guru Bahasa Inggeris (Permit Mengajar), Ayurvedik (Perakuan Pengamal Berdaftar)</p> | <p>Permohonan untuk jawatan yang memerlukan perakuan pengamal berdaftar/ permit adalah tertakluk kepada perakuan daripada Agensi Kawal Selia masing-masing.</p> <p>Nota: Permohonan tertakluk kepada sektor Kesihatan dan Pendidikan sahaja</p>                                                                                                    |
| 8  | <p>Adakah pemegang pas sedia ada perlu mengemukakan semula permohonan selaras dengan pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat pada 1 Jun 2026?</p> <p>Contoh: Pemegang EPI semasa akan bertukar kategori pas kepada EP2 setelah pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat.</p>                                                                            | <p>Tidak. Pemegang pas yang tempoh sah lakunya belum tamat tidak perlu mengemukakan semula permohonan.</p> <p>Walau bagaimanapun, permohonan lanjutan boleh dikemukakan seawal tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh pas, dan permohonan tersebut akan tertakluk kepada Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat sekiranya melepasi tarikh 1 Jun 2026.</p> |
| 9  | Apakah status penetapan kategori pas bagi pemohon yang mengemukakan permohonan bagi baki tempoh pas ( <i>Take-Up Balance</i> ) sekiranya berlaku perubahan kategori pas semasa permohonan tersebut dilakukan?                                                                                                                                                        | Tiada perubahan terhadap kategori pas. Penetapan kategori pas bagi permohonan tersebut selaras kategori pas sedia ada.                                                                                                                                                                                                                             |
| 10 | Adakah pemegang Pas Penggajian Kategori III sedia ada perlu mematuhi ketetapan gaji minimum di bawah Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat sekiranya tiada perubahan atau kenaikan gaji dibuat semasa permohonan lanjutan?                                                                                                                                              | Sekiranya permohonan lanjutan dibuat selepas 1 Jun 2026, ia adalah tertakluk kepada Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat.                                                                                                                                                                                                                            |

|    |                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p>Contoh: Pemegang EPIII dikekalkan gaji sebanyak RM 3,500 semasa permohonan lanjutan.</p>                                                                                                                        | <p>Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan lanjutan dibuat sebelum 1 Jun 2026, ia adalah tertakluk kepada dasar terdahulu.</p> <p><i>Nota: Pihak syarikat perlu memastikan pas masih dalam tempoh sah laku semasa permohonan lanjutan dibuat.</i></p>                                                                                                                                                                                                         |
| 11 | <p>Apakah dasar yang akan diguna pakai untuk permohonan lengkap yang dihantar sebelum 1 Jun 2026?</p>                                                                                                              | <p>Bagi permohonan lengkap yang dihantar sebelum 1 Jun 2026, permohonan tersebut akan disemak dan dinilai mengikut dasar terdahulu.</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi permohonan yang dikembalikan sebelum 1 Jun 2026, syarikat hendaklah mengemukakan semula permohonan lengkap dalam tempoh 90 hari daripada tarikh mula permohonan dihantar.</p> <p>Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat terpakai kepada semua permohonan yang diterima bermula 1 Jun 2026.</p> |
| 12 | <p>Adakah permohonan rayuan yang telah dikemukakan ke MYXpats selepas 1 Jun 2026 tertakluk kepada dasar baharu?</p>                                                                                                | <p>Tidak. Bagi permohonan yang ditolak di peringkat mesyuarat jawatankuasa penilaian sebelum 1 Jun 2026, permohonan rayuan lengkap perlu dihantar dalam tempoh (14) hari daripada tarikh permohonan ditolak.</p> <p>Permohonan rayuan lengkap perlu dihantar sebelum 15 Jun 2026 untuk dinilai mengikut dasar terdahulu.</p>                                                                                                                                   |
| 13 | <p>Adakah syarikat masih perlu membuat Permohonan Pengecualian Gaji Minimum Untuk Pengambilan Ekspatriat Bagi Pas Penggajian Kategori III daripada KDN setelah pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat?</p> | <p>Permohonan Pengecualian Gaji Minimum untuk pengambilan ekspatriat bagi Pas Penggajian Kategori III melalui sistem ESD Online tidak terpakai bermula 1 Jun 2026.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                         |

|    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 14 | <p>Adakah tempoh bertenang (<i>Cooling Off Period</i>) masih terpakai untuk permohonan Pas Penggajian Kategori III?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang EPIII semasa yang akan bertukar kepada EPIII baharu</li> <li>• Pemegang EPIII baharu setelah pelaksanaan dasar baharu</li> </ul>                                                          | Tidak terpakai selaras dengan pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 15 | <p>Pemohon memegang Pas Penggajian Kategori III sebelum pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat dan pas masih sah setelah pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat</p> <p>Adakah pemohon dibenarkan membawa tanggungan bermula 1 Jun 2026?</p> <p>Contoh: Cetakan pas EPIII pada Mei 2026, adakah layak memohon pas tanggungan bermula 1 Jun 2026?</p> | <p>Permohonan Pas Penggajian Kategori III yang dikemukakan bermula 1 Jun 2026 tertakluk kepada Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat.</p> <p>Pemegang pas EPIII bermula sebelum 1 Jun 2026 tertakluk kepada dasar sedia ada iaitu tidak dibenarkan membawa tanggungan.</p>                                                                                                                          |
| 16 | Adakah masih perlu untuk mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi ekspatriat yang bekerja lebih daripada 10 tahun di Agensi Kerajaan dan Universiti Awam setelah pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat?                                                                                                                          | <p>Tiada perubahan. Penggajian ekspatriat di Agensi Kerajaan dan Universiti Awam tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Awam di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).</p> <p>Nota: Permohonan tertakluk kepada ekspatriat yang bekerja di Agensi Kerajaan dan Universiti Awam sahaja.</p>                                                                                                     |
| 17 | Apakah definisi Pelan Penggantian?                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <p>Pelan penggantian merujuk kepada perancangan majikan secara menyeluruh dan teratur dalam penyediaan tenaga kerja tempatan bagi menggantikan peranan ekspatriat dalam tempoh penggajian yang ditetapkan.</p> <p>Pelan ini merangkumi antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pengenalpastian jawatan dan fungsi yang akan dipindahkan kepada tenaga kerja tempatan;</li> </ul> |

|                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <ul style="list-style-type: none"><li>➤ Latihan, pementoran dan pemindahan pengetahuan oleh ekspatriat kepada pekerja tempatan;</li><li>➤ Tempoh masa yang munasabah untuk memastikan tenaga kerja tempatan bersedia dari segi kemahiran dan kecekapan;</li><li>➤ Perancangan kesinambungan operasi, agar peralihan tidak menjejaskan produktiviti atau prestasi organisasi.</li></ul> <p>Pelan penggantian ini berfungsi sebagai panduan kepada majikan dalam mengurus sumber manusia secara mampan, di samping memastikan ekspatriat yang berkhidmat di Malaysia memberi nilai tambah yang nyata kepada pembangunan bakat tempatan.</p> |              |                      |                      |                       |                       |                         |                       |                                       |                                                     |  |
|---------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|----------------------|----------------------|-----------------------|-----------------------|-------------------------|-----------------------|---------------------------------------|-----------------------------------------------------|--|
| 18                                    | Adakah syarikat dibenarkan untuk melampirkan kontrak kerja dengan tempoh penggajian maksimum mengikut kategori pas (5 tahun atau 10 tahun) semasa permohonan setelah pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat?                                                                                                                                                                                             | Syarikat dibenarkan memohon tempoh penggajian sehingga (60) bulan setelah pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |              |                      |                      |                       |                       |                         |                       |                                       |                                                     |  |
| 19                                    | Adakah terdapat sebarang pengecualian dokumen bagi permohonan lanjutan?                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | Tiada sebarang perubahan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |              |                      |                      |                       |                       |                         |                       |                                       |                                                     |  |
| 20                                    | Adakah terdapat sebarang perubahan kepada pengeluaran i-Kad selaras pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat?                                                                                                                                                                                                                                                                                              | Tiada sebarang perubahan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |              |                      |                      |                       |                       |                         |                       |                                       |                                                     |  |
| 21                                    | Adakah terdapat perubahan bagi bilangan pembantu rumah yang boleh digajikan oleh ekspatriat setelah pelaksanaan Dasar Baharu Penggajian Ekspatriat?                                                                                                                                                                                                                                                              | Tiada sebarang perubahan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |              |                      |                      |                       |                       |                         |                       |                                       |                                                     |  |
|                                       | <table><tr><th>NUMBERS OF MAIDS ALLOWED</th><th>SALARY DRAWN</th></tr><tr><td>One (1) Foreign Maid</td><td>RM5,000.00 and above</td></tr><tr><td>Two (2) Foreign Maids</td><td>RM10,000.00 and above</td></tr><tr><td>Three (3) Foreign Maids</td><td>RM15,000.00 and above</td></tr><tr><td>Four (4) and subsequent Foreign Maids</td><td>Refer to Immigration Department further requirement</td></tr></table> | NUMBERS OF MAIDS ALLOWED                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | SALARY DRAWN | One (1) Foreign Maid | RM5,000.00 and above | Two (2) Foreign Maids | RM10,000.00 and above | Three (3) Foreign Maids | RM15,000.00 and above | Four (4) and subsequent Foreign Maids | Refer to Immigration Department further requirement |  |
| NUMBERS OF MAIDS ALLOWED              | SALARY DRAWN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |              |                      |                      |                       |                       |                         |                       |                                       |                                                     |  |
| One (1) Foreign Maid                  | RM5,000.00 and above                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |              |                      |                      |                       |                       |                         |                       |                                       |                                                     |  |
| Two (2) Foreign Maids                 | RM10,000.00 and above                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |              |                      |                      |                       |                       |                         |                       |                                       |                                                     |  |
| Three (3) Foreign Maids               | RM15,000.00 and above                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |              |                      |                      |                       |                       |                         |                       |                                       |                                                     |  |
| Four (4) and subsequent Foreign Maids | Refer to Immigration Department further requirement                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |              |                      |                      |                       |                       |                         |                       |                                       |                                                     |  |

Versi dikemaskini pada 12 Februari 2026

Disediakan oleh:

1. Kementerian Dalam Negeri
2. Jabatan Imigresen Malaysia
3. Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
4. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)
5. Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
6. East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)
7. Bank Negara Malaysia
8. Suruhanjaya Sekuriti
9. Malaysia Expatriate Service Centre (MYXpats)